

20/11/1999

Calon diingat tidak terlalu gembira dipilih

ALOR STAR, Jumaat - Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid yang bimbang mungkin ada wakil rakyat mengecamnya akibat digugurkan sebagai calon menegaskan bahawa pemilihan ditentukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden Umno.

Sanusi berkata, walaupun beliau bersama pemimpin tertinggi Umno yang menganggotai Jawatankuasa Politik parti turut memberikan pandangan, pemilihan muktamad ditentukan Dr Mahathir.

Menurutnya, pemimpin terbabit adalah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob yang juga Setiausaha Agung Umno.

"Selepas semua pihak memberikan pendapat, Perdana Menteri, berasaskan maklumat yang ada pada beliau sendiri, tanpa diatasi maklumat orang lain, membuat keputusan," katanya ketika berucap pada majlis pengumuman calon BN, di sini hari ini.

Sanusi juga berkata, tidak timbul wakil rakyat digugurkan kerana mereka sebenarnya tidak memegang jawatan berkenaan sejurus Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri (DUN), dibubarkan.

Beliau juga menasihatkan mereka yang dicalonkan tidak terlalu menunjukkan kegembiraan sehingga mengecewakan calon yang tidak terpilih kali ini.

"Yang penting ialah, mereka dan penyokong serta semua ahli parti bersatu untuk memastikan kemenangan semua calon komponen BN kerana kita bakal membuat perhitungan dengan lawan," katanya.

Justeru, Sanusi berjanji untuk membantu mereka yang tidak terpilih menceburi bidang perniagaan kerana sektor swasta memberi jaminan untuk mereka, terutama ketika Kedah menuju ke arah pembangunan.

Sementara itu, Ketiadaan nama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Shafie dalam senarai yang diumumkan hari ini menjawab spekulasi dan pelbagai ramalan berhubung kedudukan Sanusi.

Berikutan itu, kedudukan Sanusi sebagai Menteri Besar dijangka kekal jika menang di DUN Kuah.

Bagaimanapun, menurut pemerhati, berdasarkan senarai calon BN daripada Umno yang diumumkan, Sanusi dijangka kekal sebagai Menteri Besar.

Nama Ismail muncul sebagai calon Menteri Besar tetapi menolaknya pada saat akhir walaupun usaha memujuknya dilakukan bapanya, Tan Sri Shafie Abdullah yang juga bekas Ahli Parlimen.

Ismail dicadangkan bertanding di DUN Bayu, dalam kawasan Parlimen Baling.